

LAMPIRAN 4

TERMA RUJUKAN UNIT MYMUDAH MITI

1. Pengenalan

- 1.1 Kerajaan telah bersetuju dengan Program MyMudah melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) Bil. 16 Tahun 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Julai 2020 bagi membantu perniagaan yang terkesan akibat wabak COVID-19 serta menyokong pemulihran ekonomi. Program ini dapat membantu syarikat dan perniagaan dari dibebani peraturan yang tidak wajar dan kerentan birokrasi serta mengurangkan kos perniagaan selain merangsang pewujudan peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi.
- 1.2 Pada 24 November 2021, MTEN telah memutuskan agar Program MyMudah diperkuuh dengan penubuhan Unit MyMudah di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan serta Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan. Mesyuarat itu juga mencadangkan Unit MyMudah ditubuhkan di peringkat Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Persatuan Perniagaan untuk memudahkan urusan perniagaan di seluruh negara secara holistik. Unit MyMudah ini berfungsi untuk melaksanakan semakan peraturan secara terancang bagi memudahkan persekitaran perniagaan ke arah melonjakkan produktiviti dan daya saing.
- 1.3 Justeru itu, mengambil kira peranan dan fungsi utama MITI, Bahagian Perancangan Strategik (BPS) selaku *Regulator Coordinator* (RC) telah menubuhkan Unit MyMudah di MITI bagi memastikan agenda Amalan Baik Peraturan di peringkat kementerian dapat direalisasikan. Unit MyMudah di MITI telah didaftarkan pada 5 Mei 2022.
- 1.4 BPS telah mengadakan satu mesyuarat pada 14 Julai 2022 bersama pegawai-pegawai di MITI yang telah dikenal pasti terlibat secara langsung dengan penggubalan dasar peraturan dan penguatkuasaan, pelesenan dan penglibatan dengan persatuan perniagaan serta pemain-pemain industri, untuk menganggotai Unit MyMudah MITI. Dalam mesyuarat tersebut, fungsi penubuhan dan kaedah pelaksanaan Unit MyMudah di peringkat Kementerian telah disampaikan oleh MPC.

2. Faedah Pelaksanaan MyMudah

- 2.1 Keupayaan industri untuk bersaing lebih berkesan di pasaran antarabangsa melalui institusi dan infrastruktur yang dinamik;
- 2.2 Memastikan dasar dan peraturan adalah berkualiti bagi membentuk ekosistem perniagaan yang positif;

- 2.3 Peraturan dapat disemak secara berkala agar penyampaian peraturan adalah lebih tangkas dan relevan serta mengikut keperluan semasa; dan
- 2.4 Menjimatkan kos pematuhan peraturan perniagaan yang secara langsung dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing, seterusnya membentuk persekitaran perniagaan yang lebih kondusif ke arah menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

3. Skop

Skop pelaksanaan unit MyMudah di MITI merangkumi peraturan perniagaan yang baharu dan peraturan sedia ada.

4. Keahlian Unit MyMudah di MITI

- 4.1 Keahlian Tetap Unit MyMudah di MITI adalah terdiri daripada Pegawai Tadbir dari Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan (BDPFP), Bahagian Pembangunan Industri (BPI), Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri (BSPI), Bahagian Hubungan Perdagangan Ekonomi dan Dua Hala (ETR), Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan (SSDD), Sekretariat Perdagangan Strategik (STS), dan Bahagian AKI, Seranta dan Saham.
- 4.2 Penetapan wakil dari Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti mana yang diperaku oleh KSU melalui Minit Ceraian dari BPS bertarikh 2 Ogos 2022. Bengkel Pembangunan Kapasiti Penubuhan Unit MyMudah oleh pihak MPC telah diadakan pada 16 Ogos 2022 kepada ahli-ahli Unit MyMudah.
- 4.3 Keahlian Bukan Tetap Unit MyMudah di MITI adalah semua bahagian atau unit selain daripada yang disenaraikan sebagai ahli tetap dan akan dilibatkan sekiranya perlu.

5. Tugas dan Peranan

- 5.1 Ketua Jabatan:
 - i. Memberi pertimbangan serta keputusan kepada cadangan-cadangan penyelesaian masalah dan penambahbaikan yang dikemukakan oleh Unit MyMudah;
 - ii. Bertanggungjawab menyedia, menyalaras dan menguatkuasa peraturan berasaskan dasar-dasar yang terlibat di MITI; dan

- iii. Memantau dan menyediakan pelaporan aktiviti MyMudah bagi organisasi masing-masing secara berkala atau mengikut keperluan kepada PEMUDAH dan MTEN.

5.2 Ketua Unit MyMudah:

- i. Membantu Ketua Jabatan dalam memantau dan membuat pelaporan aktiviti MyMudah di MITI secara berkala dan mengikut keperluan;
- ii. Memberi syor cadangan penyelesaian masalah dan penambahbaikan untuk pertimbangan Ketua Jabatan;
- iii. Memastikan setiap cadangan penyelesaian yang telah dipersetujui untuk diambil tindakan sewajarnya serta dilaksanakan dengan baik; dan
- iv. Memastikan setiap langkah penambahbaikan adalah mematuhi Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (*National Policy on Good Regulatory Practice – NPGRP*).

5.3 Koordinator:

- i. Mendaftarkan Unit MyMudah di MITI dan mengenalpasti ahli pasukan Unit MyMudah bagi setiap isu yang didaftarkan;
- ii. Menyelaras isu-isu yang diterima daripada Sistem MyMudah MPC;
- iii. Memantau proses penyelesaian isu-isu MyMudah MITI;
- iv. Menjadi pegawai penghubung di antara MyMudah MITI dan MPC; dan
- v. Menyediakan laporan berkala berkenaan MyMudah MITI kepada Pengurusan Tertinggi MITI dan MPC setiap tahun.

5.4 Ahli Tetap dan Ahli Bukan Tetap:

- i. Melaksanakan proses MyMudah di peringkat Bahagian/Unit masing-masing;
- ii. Mengenalpasti dan membuat verifikasi masalah yang diterima daripada Persatuan Perniagaan;
- iii. Menyediakan maklumbalas cadangan penyelesaian isu yang berkaitan bidang tugas masing-masing;
- iv. Mendapatkan verifikasi dari TKSU sayap masing-masing terhadap maklumbalas cadangan penyelesaian isu sebelum mengumukkannya kepada BPS;
- v. Menyumbangkan idea, menjalankan kajian, melaksanakan cadangan-cadangan penyelesaian dan penambahbaikan serta memantau keberkesanan pelaksanaan projek; dan
- vi. Menyediakan laporan bagi isu-isu MyMudah yang berkaitan dengan fungsi dan peranan Bahagian / Unit masing-masing.

- vii. Memaklumkan segera sekiranya terdapat pertukaran keluar ahli Unit MyMudah MITI.